



# Agong sempurna pecah tanah surau IPD Cameron Highlands

Oleh [Wartawan BH](#) - Mac 5, 2023 @ 11:41am  
[bhbiz@NSTP.com.my](mailto:bhbiz@NSTP.com.my)



Lim memberi taklimat skala model pembinaan surau IPDCH kepada Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong semasa majlis pecah tanah di Cameron Highlands

CAMERON HIGHLANDS: LBS Bina Group Bhd, (LBS) pemaju perumahan terkemuka semalam mengadakan majlis pecah tanah surau baharu di Ibu Pejabat Polis Daerah Cameron Highlands (IPDCH) yang disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Baginda diiringi oleh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah,

Antara tetamu kehormat yang turut hadir termasuk Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Timbalan Ketua Polis Negara, imbalan Ketua Polis Negara,

Tan Sri Razarudin Husain; Ketua Polis Pahang, Datuk Seri bin Mohamed Yoosuf, dan Pengarah Eksekutif LBS, Datuk Seri Daniel Lim.

Projek pembinaan surau berkenaan bakal menelan kos yang dianggarkan sekitar RM5 juta dengan keluasan lantai 6,016 kaki persegi, termasuk kemudahan surau.

Dengan keluasan tanah seluas satu ekar, surau ini boleh memuatkan kapasiti jemaah seramai 200 orang.

Surau baharu itu bakal dilengkapi dengan beberapa kemudahan antaranya bilik siar raya (AV), bilik Imam, tandas lelaki dan wanita, halaman terbuka, kolah wuduk, bilik mesyuarat, bilik jenazah, tempat letak kenderaan van jenazah, ruang dapur dan ruang makan.

Bagi kemudahan parkir, surau berkenaan juga akan mempunyai 62 tempat letak kereta, termasuk dua tempat letak kenderaan bagi orang kurang upaya dan 15 lot motosikal.

"Kami amat berbesar hati di atas kesudian Baginda Tuanku dan Baginda Permaisuri hadir mencemar duli dan berkenan menyempurnakan majlis pecah tanah.

"Surau baharu ini bakal menjadi tempat ibadah kepada komuniti setempat khususnya kakitangan IPD Cameron Highlands selain digunakan untuk pelbagai aktiviti berkaitan yang menjurus ke arah penyatuan masyarakat," kata Pengurus Eksekutif LBS, Tan Sri Lim Hock San menerusi satu kenyataan.

Beliau berkata, projek pembinaan surau ini juga adalah sebahagian daripada usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) LBS untuk mewujudkan impak positif dalam kalangan komuniti.

"Sebagai pemaju di Cameron Centrum, sebuah projek pembangunan komersial, kami percaya bahawa dengan pembinaan surau yang dilengkapi kemudahan yang bersesuaian dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat IPDCH di samping menyokong pembangunan di Cameron Highlands.

"Syarikat yakin terhadap pelaburan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat kerana ia memberi kesan yang positif kepada negara, sejajar dengan visi kami untuk terus konsisten di dalam 'Memperkasa Individu, Meningkatkan Komuniti'," tambahnya.

LBS mempunyai rekod prestasi yang kukuh dalam pembangunan harta tanah di seluruh Malaysia.

Cadangan pelaksanaan surau di IPDCH ini dijangka akan menjadi nilai tambah kepada portfolio syarikat di samping memberi kemudahan untuk kegunaan masyarakat setempat.